# PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SEKOLAH BERASRAMA PENUH 2017

## PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

**SEJARAH** **1249/2**
**Kertas 2**
**Ogos 2017**

2 ½ Jam **Dua jam tiga puluh minit**

**SEJARAH**

**Kertas 2**

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan**. Kegunaanya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa juga bentuk penulisan dan percetakan.

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **36** halaman bercetak

**1249/2(PP)** © 2017 Hak Cipta BPSBPSK

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| 1 (a) | F1 Undang-undang sivil<br>F2 Undang-undang rakyat<br>F3 Undang -undang natural<br><br>(Mana-mana 2 x 1m) | 1<br>1<br>1<br><br>[Mak 2m] |
| 1(b) | F1 Semua manusia sama di sisi undang-undang<br>F2 Seseorang tidak bersalah sehingga terbukti bersalah.<br>F3 Keadilan terhadap setiap individu<br>F4 Hukuman berasaskan bukti yang cukup<br><br>( Mana-mana 4 x 1) | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>[Mak 4m] |
| 1 (c) | F1 Menjamin keselamatan masyarakat global<br>F2 Mengekalkan keharmonian hidup bermasyarakat<br>F3 Mempertahankan agama daripada dicemari<br>F4 Memelihara akal dan kesempurnaan manusia sejagat<br>F5 Menjaga status keturunan warisan daripada dicemari<br>F6 Menjaga maruah seseorang kerana maruah manusia bergantung kepada ketinggian akhlak dan budi pekerti<br><br>(Mana-mana jawapan yang munasabah )<br><br>( Mana-mana 4 x 1) | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[Mak 4m] |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| 2 (a) | F1 Setiap mata wang tertera nama dan pangkat Sultan memerintah.<br>F2 Dibahagian belakang mata wang tertulis gelaran Islam seperti Khalifatul Mukminin.<br>F3 Nama sultan yang memerintah serta tarikh Islam dicatat<br>F4 Mempunyai tulisan Jawi / Arab<br>F5 Tercatat nama Malik @ Sultan Al-Adil<br><br>(Mana-mana 2 x 1m) | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[Mak 2m] |
| 2 (b) | F1 Kehadiran pedagang Arab ke Melaka kerana kedudukan Kesultanan Melayu Melaka yang startegik<br>F2 Pembabitan kerajaan - kerajaan Islam lain dengan kerajaan Melaka seperti Acheh , Brunei dan Sulu dalam arus perdagangan.<br>F3 Penglibatan orang melayu dalam perniagaan berkait rapat dengan saranan Islam mencontohi Nabi Muhammad.<br>F4 Undang-Undang Laut Melaka digubal dan menjadi landasan yang diharus diikuti oleh masyarakat, terutama berkaitan tugas nakhoda , jurumudi dan lain-lain.<br>F5 Terdapat 84 bahasa yang dipertuturkan<br>F6 Sistem timbang dan sukat diperkenalkan<br>F7 Tanggungjawab Syahbandar sebagai ketua pelabuhan<br>F8 Peratusan timbang dan sukat di Melaka menggunakan timbang dan kati<br>F9 Timbangan bahara menggunakan dacing<br>F10 Penggunaan mata wang dalam aktiviti perdagangan dan jual beli.<br>F11 Pedagang yang berniaga diwajidkan membayar cukai.<br>F12 Terdapat cukai tetap dan cukai diraja<br>F13 Amalan riba tidak dibenarkan.<br>F14 Golongan kaya membayar zakat<br>F15 Baitulmal berfungsi untuk menyeleggara harta kerajaan<br><br>(Mana-mana jawapan yang munasabah )<br>( mana-mana 4 x 1) | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[Mak 4m] |

| | | |
|---|---|---|
| 2 (c) | F1 Dilarang oleh Allah S.W.T<br>F2 Tidak mendapat keuntungan yang setimpal dengan kehendak agama<br>F3 Mendapat balasan yang negatif  dari pencipta<br>F4 Riba merupakan penindasan yang menindas golongan yang lemah<br>F5 Riba menyebabkan hubungan silaturahim antara seseorang individu terputus.<br>F6 Riba membawa keruntuhan moral masyarakat.<br><br>(Mana-mana jawapan yang munasabah)<br>(Mana-mana 4 x 1m) | 1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>[Mak 4m] |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| 3 (a) | F1 Sungai Ujong<br>F2 Rembau<br>F3 Johol<br>F4 Jelebu<br>F5 Jempol<br>F6 Seri Menanti<br>F7 Inas<br>F8 Terachi<br>F9 Gunung Pasir<br>( Mana-mana 2 x1 ) | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[Mak 2m] |
| 3 (b) | F1 Perlantikan dibuat dari paling bawah iaitu anak buah iaitu Anak buah memilih Buapak ,Lembaga dan Undang melantik Yang Dipertuan Besar<br>F2 Walaupun Yang Dipertuan Besar merupakan pemenrintah tertinggi baginda tidak berhak melantik pembesar<br>F3 Keputusan Yang Diperetuan Besar berasaskan perundingan baginda dengan Undang.<br>F4 Ketua setiap Luak ialah Undang dipilih oleh Lembaga<br>F5 Undang dipertanggungjawab melantik Yang Dipertuan Besar<br>F6 Dibawah Undang ialah Lembaga dilantik dilantik oleh Buapak<br>F7 Lembaga berkuasa memilih individu yang layak menjadi Undang<br>F8 Buapak merupakan Ketua Perut dan setiap anggota Perut dikenali sebagai Anak Buah<br>F9 Buapak menjadi tempat rujukan sebarang permasalahan dengan adat.<br>(Mana-mana jawapan yang munasabah )<br>( mana-mana 4 x 1) | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>(Mak 4m) |
| 3 (c) | F1 Raja tidak mempunyai kuasa mutlak.<br>F2 Rakyat memilih peminpin mereka dikalangan sukunya sendiri<br>F3 Rakyat diberi peluang memerintah<br>F4 Wanita mewarisi harta pusaka berbanding dengan kaum lelaki<br>F5 Rakyat berhsk menjadi pemenrintah<br>F6 Kuasa pemenrintah diagihkan mengikut pangkat<br>F7 Undang-undang bersifat pemilihan<br>F8 Kedaulatan berada ditangan rakyat dan pemenrintah akan dipilih oleh rakyat.<br>F9 Kemufakatan dan semangat kerjasama antara suku memilih pemimpin.<br>(Mana-mana jawapan yang munasabah )<br>(Mana-mana 4 x 1m) | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>(Mak 4m) |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| 4 (a) | F1 Menjamin kedudukan politik yang kukuh.<br>F2 Mewujudkan kerjasama dalam bidang ekonomi dan sosial<br>F3 Mendapatkan kerjasama antara British dengan rakyat tempatan.<br><br>(Mana-mana 2 x 1m) | 1<br>1<br>1<br><br>[Mak 2m] |
| 4 (b) | F1 Kebanyakan parti politik Persekutuan Tanah Melayu menyokong<br>F2 PAS dan Barisan Sosialis meminta idea dirundingkan terlebih dahulu dikalagan penduduk Persekutuan Tanah Melayu<br>F3 UMNO menyetujui penggabungan dengan Sarawak ,Sabah dan Brunei tanpa Singapura.<br>Singapura<br>F4 Singapura berhasrat bergabung dengan Persekutuan Tanah Melayu tujuannya bimbang parti berhaluan kiri kuat dan kedudukannya gagal dipertahankan.<br>F5 Parti Pembangkang Singapura , Barisan Sosialis menentang idea dan menggangap pembentukan Malaysia kearah Penjajahan bentuk baru<br>F6 Pandangan Barisan Sosialis agar pandangan rakyat Singapura diperolehi terlebih dahulu sebelum memyertai gabungan.<br>F7 Pandangan disokong oleh Parti Buruh pimpinan David Marshall dan parti Rakyat Bersatu pimpinan Ong Eng Guan.<br>F8 Referendum diadakan pada 1 September 1962 dan pengundi memilih<br>pengabungan diadakan mengikut cadangan Kerajaan Singapura.<br>Sarawak dan Sabah<br>F9 Sarawak dan Sabah pada awalnya menolak cadangan ini kerana menaruh keyakinan membentuk pemenrintahan sendiri.<br>F10 Parti SUPP,SNAP,BERJASA,CSA dan PESAKA dan PANAS membentuk Parti Perikatan menyokong penubuhan Malaysia.<br>F11 Sabah , Parti UNKO ,USNO,Parti Pasok Momugun, Parti Bersatu dan Parti Demokratik bersatu membentuk Parti Perikatan Sabah menyokong penyertaan Sabah kedalam Malaysia.<br>F12 Parti perikatan Sabah mengemukakan tuntutan 20 syarat dikenali Perkara 20 ke dalam Perlembagaan Malaysia.<br>F13 1961, Peminpin ,rakyat Sabah dan Sarawak menyokong Pembentukan Malaysia.<br>F14 Kerjasamadaripada peminpin Sarawak dan Sabah termasuk Datu Mustapha Datu Harun, Temenggung Jugah ,Donald Stephen ,Ong Kee Hui dan Stephen Kalang Ningkan.<br><br>(Mana-mana jawapan yang munasabah )<br>(Mana-mana 4 x 1m) | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>(Mak 4m) |

| | | |
|---|---|---|
| 4 (c) | Fakta - mewujudkan keamanan/kestabilan<br>Huraian / penjelasan - mewujudkan perpaduan dikalangan masyarakat berbilang kaum.<br>Contoh - semangat tolenrasi melalui konsep satu Malaysia<br>Kesan - hubungan baik antara kaum mengelakkan anti perkauman.<br><br>( Mana-mana jawapan yang munasabah )<br>(Mana-mana 4 x 1m) | 1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br><br>(Mak 4m) |

## SKEMA PEMARKAHAN BAHAGIAN B – ESEI

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| 5(a) | F1 Kesuburan kawasan sekitar Hwang Ho telah menarik penduduk nomad untuk tinggal menetap / membina petempatan awal. | 1 |
| | F2 Mereka menjalankan aktiviti pertanian / penternakan binatang / mengumpul hasil hutan / memburu | 1 |
| | F3 Perkembangan petempatan awal ini melahirkan beberapa buah bandar di Lembah Hwang Ho | 1 |
| | F4 Anyang merupakan pusat kerajaan Dinasti Shang | 1 |
| | F5 Pembentukan Dinasti Shang telah membawa kemajuan dalam usaha perluasan wilayah | 1 |
| | F6 Penyebaran budaya ke kawasan sekitar Lembah Hwang Ho | 1 |
| | [Mana-mana 4 x 1m] | [Mak 4 m] |
| 5(b) | **F1 Negara Kota/Anyang** | |
| | H1a Terletak di kawasan tanah tinggi di Sungai Huan | 1 |
| | H1b Terdapat istana / kuil / pusat pentadbiran di bandar. | 1 |
| | H1c Ketua pemerintahan iaitu raja / golongan pembesar / golongan agama tinggal di kawasan bandar. | 1 |
| | H1c Dilengkapi dengan tembok untuk menghalang pencerobohan musuh | 1<br>1 |
| | H1d Dikelilingi oleh perkampungan yang didiami oleh masyarakat petani | 1 |
| | **F2 Organisasi Sosial** | |
| | H2a Golongan raja dan pembesar menduduki lapisan paling atas yang diterajui oleh raja | 1 |
| | H2b Lapisan bawahan dibentuk oleh golongan petani. | 1 |
| | H2c Golongan ini yang membentuk sebahagian besar penduduk yang mendiami kawasan tinggal di luar bandar iaitu di sekeliling negara kota | 1 |
| | H2d Golongan artisan juga terdapat dalam lapisan bawahan kerana penguasaan mereka dalam teknologi gangsa. | 1 |
| | H2e Gangsa telah digunakan untuk menghasilkan senjata / perisai / hiasan pada kereta kuda untuk kegunaan tentera dan peralatan untuk upacara keagamaan | 1 |
| | H2f Golongan pembesar sahaja yang mampu memiliki tentera dan senjata gangsa | 1 |
| | H2g golongan pembesar menggunakan keistimewaan mereka untuk menundukkan golongan bawahan | 1 |
| | H2h Golongan paling bawah dalam masyarakat Shang ialah hamba | 1 |
| | H2i Perhambaan merupakan satu ciri utama dalam Dinasti Shang. | 1 |

| | | |
|---|---|---|
| | **F3 Pengkhususan pekerjaan** | 1 |
| | H3a Terdapat dua kumpulan tentera iaitu tentera yang menggunakan kereta kuda dan tentera berjalan kaki | 1 |
| | H3b Golongan petani sebagai tonggak ekonomi dan pentadbiran berperanan untuk memenuhi keperluan golongan atasan | 1 |
| | H3c Golongan artisan yang berperanan untuk cipta pelbagai barangan Tembaga | 1 |
| | H3d Golongan hamba berfungsi sebagai tentera paksaan / membantu kerja-kerja perburuhan / Untuk tujuan korban dalam upacara penyembahan. | 1 |
| | **F4 Sistem pemerintahan** | 1 |
| | H4a Pengganti raja dilantik daripada kalangan saudara lelaki yang lebih muda atau anak lelaki raja | 1 |
| | H4b Raja berkuasa secara langsung di kawasan pusat pentadbiran | 1 |
| | H4c Masyarakat tamadun ini percaya bahawa kuasa raja merupakan mandat daripada tuhan | 1 |
| | H4d Masyarakat Hwang Ho percaya bahawa raja memerintah dengan adil , kerajaan dan rakyat akan menikmati kemakmuran dan kesejahteraan hidup kerana pemerintahan itu direstui tuhan. | 1 |
| | H4e Urusan pentadbiran raja dibantu oleh golongan bangsawan / pegawai kerajaan | 1 |
| | H4f Bagi wilayah di luar pusat pentadbiran, pemerintahan Dinasti Shang dibantu oleh golongan bangsawan | 1 |
| | H4g Golongan bangsawan dipertanggungjawabkan untuk mentadbir wilayahnya. | 1 |
| | H4h Mereka berhak mewujudkan sistem pentadbirannya sendiri dalam hal seperti pungutan cukai / pertahanan / undang-undang | 1 |
| | H4i Dinasti Chou telah mengasimilasikan sistem yang sama apabila mereka mengambil alih pemerintahan Shang | 1 |
| | H4j Raja – raja Dinasti Chou membahagikan pemilikan tanah mereka kepada wilayah-wilayah dengan melantik pembesar tempatan. | 1 |
| | H4k Raja-raja Dinasti Chou mengikat pembesar tempatan melalui Ikrar taat setia / Memberikan hadiah seperti kereta kuda, senjata gangsa, hamba, binatang /melindungi raja / memberikan bantuan tentera pada masa perang. | 1 |
| | H4l Pembesar tempatan diberikan hak untuk bertindak sebagai ketua agama untuk menjalankan upacara pengorbanan | |
| | **F5 Agama dan kepercayaan** | 1 |
| | H5a Masyarakat tamadun Hwang Ho mengamalkan banyak kepercayaan termasuk animisme dan politisme. | 1 |
| | H5b Masyarakat Shang mengamalkan penyembahan roh nenek moyang | 1 |
| | H5c Mereka juga menyembah tuhan syurga ( Shang-ti)/ tuhan bumi (Tu) / penyembahan terhadap sungai/ bukit / gunung. | 1 |
| | H5d Upacara penyembahan melibatkan permainan muzik,tarian dan upacara korban yang diketuai oleh golongan bomoh. | 1 |
| | H5e Jumpaan tulang binatang dan kulit kura kura di Anyang juga merupakan keunikan tamadun ini. | 1 |
| | H5f Tulang yang ditemui dikenali sebagai tulang oracle yang berfungsi untuk meramal sesuatu keadaan. | 1 |

| | | |
|---|---|---|
| | H5g Golongan bomoh yang terlibat dalam upacara penilikan ini akan meletakkan tulang ini di atas unggun api sehingga timbuh rekahan<br>H5h Rekahan ini akan ditafsirkan dan disabitkan dengan sesuatu kejadian | 1 |
| | **F6 Sistem Tulisan** | 1 |
| | H6a Rekahan-rekahan pada tulang oracle telah menimbulkan idea masyarakat tempatan untuk mencipta tulisan | 1 |
| | H6b Tulisan China berbentuk ideogram iaitu tulisan berbentuk simbol. | 1 |
| | H6c Tulisan asal mempunyai gambar seperti kanak-kanak / bulan / matahari | |
| | [Mana-mana 8 x 1m] | [Mak 4 m] |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| 5(c) | Aras 4<br><br>Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas.<br>Bukti / contoh sangat sesuai.<br>Membuat inferens yang tepat.<br>Jawapan sangat mendalam/terperinci.<br>Komunikasi/pengolahan sangat menarik.<br>Menujukkan kematangan.<br><br>Contoh<br><br>*perkembangan ekonomi dalam aspek pertanian*<br>*telah membawa kemajuan dalam teknologi pembajakan*<br>*wujud alatan pertanian baharu daripada besi*<br>*cangkul / sabit*<br>*memudahkan proses penanaman*<br>*mula menggunakan batas*<br>*meningkat pengeluaran hasil makanan*<br>*memenuhi keperluan masyarakat*<br>*kehidupan masyarakat menjadi semakin makmur*<br>*meningkatkan jumlah penduduk*<br><br>dan<br><br>*Kepercayaan menjadi pegangan hidup masyarakat tamadun Hwang Ho*<br>*Hubungan manusia dengan alam sekitar perlu selari untuk kehidupan yang harmoni*<br>*Amalan menggunakan kalender dalam aktiviti ekonomi / harian*<br>*Dapat menentukan musim menanam / menuai dengan tepat*<br>*Aktiviti harian dijalankan mengikut kesesuaian masa.*<br>*perkahwinan / pemburuan / pengkebumian*<br>*Sebagai panduan hidup kepada masyarakat*<br>*menjadikan kehidupan masyarakat lebih teratur dan berkembang maju* | 7-8 |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| (c) | Aras 3<br>Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas.<br>Bukti/contoh sesuai.<br>Membuat inferens.<br>Jawapan mendalam.<br>Komunikasi/pengolahan menarik.<br><br>Contoh<br><br>*perkembangan ekonomi dalam aspek pertanian*<br>*telah membawa kemajuan dalam teknologi pembajakan*<br>*wujud alatan pertanian baharu daripada besi*<br>*cangkul / sabit*<br>*memudahkan proses penanaman*<br>*mula menggunakan batas*<br><br>dan<br><br>*Kepercayaan menjadi pegangan hidup masyarakat tamadun Hwang Ho*<br>*Hubungan manusia dengan alam sekitar perlu selari untuk kehidupan yang harmoni*<br>*Amalan menggunakan kalender dalam aktiviti ekonomi / harian*<br>*Menentukan musim menanam / menuai dengan tepat*<br>*Aktiviti harian dijalankan mengikut kesesuaian masa* | 5-6 |
| | Aras 2<br>Pengetahuan dan pemahaman yang jelas.<br>Jawapan kurang mendalam.<br>Menyatakan hujah secara ringkas.<br><br>Contoh<br><br>*perkembangan ekonomi dalam aspek pertanian*<br>*telah membawa kemajuan dalam teknologi pembajakan*<br>*wujud alatan pertanian baharu daripada besi*<br>*cangkul / sabit*<br><br>dan<br><br>*Kepercayaan menjadi hidup masyarakat tamadun Hwang Ho untuk maju*<br>*Hubungan manusia dengan alam sekitar perlu selari untuk kehidupan yang harmoni*<br>*Amalan menggunakan kalender dalam aktiviti ekonomi / harian*<br>*Menentukan musim menanam / menuai dengan tepat* | 3-4 |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| | Aras 1<br><br>Pengetahuan dan pemahaman terhad<br><br>Contoh<br><br>*Perkembangan ekonomi dalam aspek pertanian telah membawa kemajuan dalam teknologi pembajakan*<br><br>dan<br><br>*Kepercayaan menjadi pegangan hidup masyarakat tamadun Hwang Ho untuk maju*<br>*Hubungan manusia dengan alam sekitar perlu diselari untuk kehidupan yang harmoni*<br><br>(Mana-mana jawapan yang munasabah ) | 1-2 |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| 6(a) | F1 Pada tahun 628 M, rombongan orang Islam telah ke Makkah untuk menunaikan umrah | 1 |
| | F2 Rombongan orang Islam telah disekat di Hudaibiyah | 1 |
| | F3 Nabi Muhammad s.aw. menghantar Uthman bin Affan untuk menerangkan tujuan kedatangan orang Islam | 1 |
| | F4 Orang Islam mendengar khabar angin tentang kematian Uthman | 1 |
| | F5 Orang Islam telah bersumpah setia/berikrar/Baiah al-Ridhwan untuk membela kematian Uthman | 1 |
| | F6 Orang Arab Quraisy bimbang terhadap kata sepakat orang Islam | 1 |
| | F7 Orang Arab Quraisy menemui Nabi Muhammad s.a.w. | 1 |
| | F8 Nabi Muhammad s.a.w. bersedia mengadakan perjanjian | 1 |
| | F9 Perjanjian Hudaibiyah telah dimeterai antara Nabi Muhammad s.a.w. (Islam) dengan Suhail bin Amru (Quraisy) | 1 |
| | [Mana-mana 4 x 1m] | (Mak 4m) |
| (b) | F1 **Orang Islam bebas memasuki Makkah** | 1 |
| | H1a menunaikan haji pada tahun 629 M | 1 |
| | H1b beribadat di Kaabah pada bila-bila masa | 1 |
| | F2 **Nabi Muhammad s.a.w. merangka program dakwah Islamiah** | 1 |
| | H2a suku Arab boleh menganut sebarang agama tanpa halangan | 1 |
| | H2b Islam berkembang dengan meluas | 1 |
| | H2c bilangan penganut Islam bertambah | 1 |
| | F3 **Islam tersebar dengan aman** | 1 |
| | H3a pengislaman tokoh panglima Arab Quraisy yang berpengaruh | 1 |
| | H3b Khalid bin al-Walid/Amru bin al-As/Uthman b Talhah | 1 |
| | **F4 Melambangkan ketokohan Nabi Muhammad s.a.w.** | 1 |
| | H4a pemimpin unggul dan dikagumi | 1 |
| | H4b tidak terburu-buru dalam tindakannya/menyeluruh/terperinci | 1 |
| | H4c pemimpin yang berwawasan | 1 |
| | **F5 Kerajaan Islam Madinah diiktiraf** | 1 |
| | H5a orang Arab Quraisy bersetuju menandatangani Perjanjian Hudaibiyah | 1 |
| | **F6 Pembukaan semula kota Makkah** | 1 |
| | H6a perdamaian yang dipersetujui hanya bertahan dua tahun sahaja | 1 |
| | H6b orang Arab Quraisy melanggar isi Perjanjian Hudaibiyah | 1 |
| | H6c Nabi Muhammad s.a.w. menghantar pasukan tentera ke Makkah | 1 |
| | [Mana-mana 8 x 1m] | (Mak 8m) |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| 6(c) | Aras 4<br><br>Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas<br>Bukti/contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens yang tepat<br>Jawapan sangat mendalam /terperinci<br>Komunikasi/pengolahan sangat menarik<br>Menunjukkan kematangan<br><br>Contoh:<br><br>*orang Islam bebas memasuki Makkah*<br>*boleh beribadat di Kaabah pada bila-bila masa*<br>*membolehkan Nabi Muhammad s.a.w. merangka program dakwah Islamiah ke seluruh Semenanjung Tanah Arab*<br>*suku Arab boleh menganut sebarang agama tanpa halangan*<br>*bilangan penganut Islam bertambah*<br>*pengislaman tokoh panglima Arab Quraisy*<br>*seperti Khalid bin al-Walid/Amru bin al-As/Uthman bin Talhah*<br>*mejadi perintis kepada pembukaan semula kota Makkah* | 7-8 |
| | Aras 3<br><br>Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas<br>Bukti/contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens<br>Jawapan sangat mendalam<br>Komunikasi/pengolahan  menarik<br><br>Contoh:<br><br>*orang Islam bebas memasuki Makkah*<br>*boleh beribadat di Kaabah pada bila-bila masa*<br>*membolehkan Nabi Muhammad s.a.w. merangka program dakwah Islamiah ke seluruh Semenanjung Tanah Arab*<br>*suku Arab boleh menganut sebarang agama tanpa halangan*<br>*bilangan penganut Islam bertambah*<br>*pengislaman tokoh panglima Arab Quraisy* | 5-6 |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| | Aras 2<br><br>Pengetahuan dan pemahaman yang jelas<br>Jawapan kurang mendalam<br>Menyatakan hujah secara ringkas<br><br>**Contoh:**<br><br>*orang Islam bebas memasuki Makkah*<br>*boleh beribadat di Kaabah pada bila-bila masa*<br>*membolehkan Nabi Muhammad s.a.w. merangka program dakwah Islamiah ke seluruh Semenanjung Tanah Arab*<br>*suku Arab boleh menganut sebarang agama tanpa halangan* | 3-4 |
| | Aras 1<br><br>Pengetahuan dan pemahaman terhad<br>Jawapan secara umum<br><br>Contoh:<br><br>orang Islam bebas memasuki Makkah<br>boleh beribadat di Kaabah pada bila-bila masa<br><br>(Mana-mana jawapan yang munasabah ) | 1-2 |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| 7(a) | F1 Berasal daripada perkataan Itali<br>F2 Iaitu *reniscimen*t – kelahiran semula<br>F3 Penghargaan semula ilmu yang telah dihasilkan oleh cendekiawan dalam tamadun Yunani dan Rom<br>F4 Mengembangkan semula kegemilangan tamadun Yunani dan Rom yang malap pada Zaman Gelap<br>[Mana-mana 4 x 1m] | 1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>[Mak.4m] |
| (b) | **F1 Kemunculan bandar terkenal**<br>H1a Venice/Genoa/Florence/Rom/Milan<br>H1b pusat perdagangan antarabangsa<br><br>**F2 Dari segi geografi**<br>H2a kedudukan Itali strategik<br>H2b dikelilingi oleh Laut Meditrranean<br>H2c persimpangan utama<br><br>**F3 Bandar pelabuhan terkenal**<br>H3a Venice/Genoa<br><br>**F4 Pusat perkembangan idea baru**<br>H4a berlaku pertembungan budaya/bahasa/agama<br><br>**F5 Kemunculan pedagang kaya**<br>H5a menggunakan kekayaan untuk mengindahkan bandar<br>H5b menjadikan bandar tumpuan para seniman/cendekiawan<br>H5e menjadi patron/penaung kepada pelukis/ahli muzik/saintis/penulis<br>H5d patron terkenal seperti keluarga Medici di Florence<br>H5e golongan patron berusaha menarik seniman/cendekiawan terbaik ke bandar masing-masing<br>H5f wujud persaingan untuk mendapatkan tokoh cendekiawan<br><br>**F6 Peranan Paus di Rom**<br>H6a sebagai penaung seniman/cendekiawan<br>H6b penguasa gereja di Rom mencemburui pencapaian bandar Florence<br>H6c berhasrat menjadikan Rom cantik seperti Florence<br>H6d memberi tumpuan kepada kegiatan seni lukis/seni ukir<br>H6e Paul Julius II mengupah pelukis/pengukir terkenal<br>H6f untuk mencantikkan gereja/katedral di Rom<br>H6g pusat seni Renaissance berpindah dari Florence ke Rom<br><br>**F7 Semangat individualisme**<br>H7a penekanan kepada keupayaan individu<br>H7a golongan pelukis/pengukir ingin dikenali secara individu/tokoh yang tersendiri | 1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1 |

| | | |
|---|---|---|
| | H7b bakat dapat dilihat lebih jelas apabila bekerja secara bersendirian<br>H7c kemahiran dihargai dari segi nilai kesenian<br><br>**F8 Perubahan dalam pendidikan**<br>H8a menggalakkan pembinaan kemahiraan dalam semua aspek intelektual/fizikal<br><br>**F9 Semangat inkuiri/semangat ingin tahu**<br>H9a muncul golongan manusia yang ingin meneroka bidang/kawasan baru<br><br>**F10 Kemunculan aliran humanisme**<br>H10a menekankan keupayaan manusia berfikir untuk menyelesaikan masalah<br>H10b tokoh seperti Fransesco Petrach/Niccolo Machiavelli/Giovanni Bocaccio<br><br>**F11 Tokoh Renaissance**<br>H11a Leonardo da Vinci/Raphael/Michelangelo/Niccolo Machiavelli/Giovanni Bocaccio<br><br>[Mana-mana 8 x 1m] | 1<br>1<br><br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br><br><br>1<br>1<br><br>1<br><br><br>1<br>1<br><br><br>[Mak.8m] |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| 7(c) | Aras 4<br><br>Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas<br>Bukti/contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens yang tepat<br>Jawapan sangat mendalam /terperinci<br>Komunikasi/pengolahan sangat menarik<br>Menunjukkan kematangan<br><br>**Contoh:**<br><br>*kesan dalam pelbagai bidang*<br>*seperti seni lukis/ seni ukir/ persuratan/ politik/ekonomi/sosial*<br>*dari segi politik ialah kemunculan monarki baru*<br>*kewujudan kerajaan pusat/kesatuan kebangsaan*<br>*diperkukuhkan dengan amalan pembayaran cukai kepada kerajaan pusat*<br>*kuasa raja bertambah kukuh*<br>*kuasa gereja/golongan bangsawan bertambah kurang*<br>*monarki baru di Portugal/England/Perancis/Belanda/Castile dan Aragon (Sepanyol)*<br>*kegiatan ekonomi sara diri kian pupus*<br>*sistem perdagangan tempatan/antarabangsa semakin berkembang*<br>*kegiatan penjelajahan/penerokaan berkembang*<br>*kemajuan dalam bidang matematik/geografi/kartografi/astronomi*<br>*perkembangan pelbagai ilmu sains seperti biologi/fizik/kimia/perubatan*<br>*perubahan dalam pemikiran/gaya hidup manusia*<br>*berani menzahirkan emosi melalui muzik/lukisan/ukiran yang dihasilkan*<br>*berjaya melahirkan manusia yang berkeyakinan diri*<br>*menekankan pemikiran logik/saintifik/falsafah/metafizik*<br>*melahirkan manusia yang mempergunakan keupayaan minda bagi memajukan kehidupan manusia* | **7-8** |

| | | |
|---|---|---|
| | Aras 3<br><br>Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas<br>Bukti/contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens<br>Jawapan sangat mendalam<br>Komunikasi/pengolahan  menarik<br><br>**Contoh:**<br><br>*kesan dalam pelbagai bidang*<br>*seperti seni lukis/ seni ukir/ persuratan/ politik/ekonomi/sosial*<br>*dari segi politik ialah kemunculan monarki baru*<br>*kewujudan kerajaan pusat/kesatuan kebangsaan*<br>*diperkukuhkan dengan amalan pembayaran cukai kepada kerajaan pusat*<br>*kuasa raja bertambah kukuh*<br>*kuasa gereja/golongan bangsawan bertambah kurang*<br>*monarki baru di Portugal/England/Perancis/Belanda/Castile dan Aragon (Sepanyol)*<br>*kegiatan ekonomi sara diri kian pupus*<br>*sistem perdagangan tempatan/antarabangsa semakin berkembang*<br>*kegiatan penjelajahan/penerokaan berkembang* | 5-6 |
| | Aras 2<br><br>Pengetahuan dan pemahaman yang jelas<br>Jawapan kurang mendalam<br>Menyatakan hujah secara ringkas<br><br>**Contoh:**<br><br>*kesan dalam pelbagai bidang*<br>*seperti seni lukis/ seni ukir/ persuratan/ politik/ekonomi/sosial*<br>*dari segi politik ialah kemunculan monarki baru*<br>*kewujudan kerajaan pusat/kesatuan kebangsaan*<br>*diperkukuhkan dengan amalan pembayaran cukai kepada kerajaan pusat*<br>*kuasa raja bertambah kukuh* | 3-4 |

| | | |
|---|---|---|
| | Aras 1<br><br>Pengetahuan dan pemahaman terhad<br>Jawapan secara umum<br><br>**Contoh:**<br><br>*kesan dalam pelbagai bidang*<br>*seperti seni lukis/ seni ukir/ persuratan/ politik/ekonomi/sosial*<br><br>(Mana-mana jawapan yang munasabah ) | 1-2 |

| Soalan | Butiran | | Markah |
|---|---|---|---|
| 8 (a) i | **F1** | **Dasar penaklukan British** | 1 |
| | H1a | Untuk mengukuhkan kedudukan politiknya | 1 |
| | H1b | Meluaskan penguasan politik | 1 |
| | H1c | Mengikat kawasan kekuasaannya dengan perintah / peraturannya | 1 |
| | C1a | Naning dipaksa menjadi jajahan takluk | 1 |
| | C1b | Naning dipaksa membayar ufti | 1 |
| | C1c | Dol Said menentang kehendak British | 1 |
| | **F2** | **Eksploitasi / Menguasai ekonomi tempatan** | 1 |
| | H2a | Melalui perjanjian dengan pemimpin tempatan | 1 |
| | H2b | Saudagar Negeri-negeri Selat dibenarkan menjalankan perlombongan / perdagangan bijih timah | 1 |
| | H2c | Menimbulkan kemarahan penduduk tempatan | 1 |
| | C2a | Perjanjian dengan Kedah, Perak di Selangor | 1 |
| | **F3** | **Sistem Pentadbiran Barat** | 1 |
| | H3a | Dipaksakan ke atas penduduk tempatan | 1 |
| | H3b | Memperkenalkan sistem cukai/ undang-undang/ peraturan tanah | 1 |
| | H3c | Untuk memaksimumkan hasil | 1 |
| | H3d | Peraturan amat bertentangan dengan amalan tradisi tempatan | 1 |
| | C3a | Di Terengganu pembukaan tanah dengan kebenaran British | 1 |
| | **F4** | **Campur tangan dalam adat resam tempatan** | 1 |
| | H4a | Nilai-ilai British dipaksakan ke atas penduduk tempatan | 1 |
| | H4b | Nilai-nilai Britush bertentangan dengan budaya tempatan | 1 |
| | C4a | Di Perak, J.W. Birch mencampuri amalan menggunakan orang suruhan/ Birch di bunuh | 1 |
| | **F5** | **Pembesar tempatan kehilangan kuasa / pengaruh/ rasa tidak puas hati** | 1 |
| | H5a | Terhadap kawasan dan anak buah mereka | 1 |
| | H5b | Sebelum British, pembesar dilantik oleh sultan / masyarakat untuk mentadbir kawasan | 1 |
| | H5c | sebelum British, pembesar tempatan berkuasa dalam soal pentadbiran, perundangan, ekonomi dan sosial | 1 |
| | H5d | penentangan mereka disokong anak buah | 1 |
| | H5e | undang-undang British menjadikan kehidupan anak buah menjadi sulit / tertekan | 1 |
| | **F6** | **Kesulitan penduduk tempatan** | 1 |
| | H6a | Penentangan pemimpin tempatan mendapat sokongan anak buah mereka. | 1 |
| | H6b | Mereka tertekan dengan pelaksanaan undang-undang British yang menyulitkan kehidupan mereka. | 1 |
| | | [Mana-mana 4 x 1m] | [Mak 4 m] |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| (b) | **F1 Pengenalan Sistem Politik Barat** | 1 |
| | H1a British telah meletakkan seorang Residen yang mengambil alih pentadbiran negeri daripada pembesar tempatan. | 1 |
| | H1b Para pembesar diberikan pencen dan tempat mereka digantikan oleh pegawai British. | 1 |
| | H1c Perubahan ini mencabar sistem atau amalan tradisi mereka serta menjatuhkan maruah mereka. | 1 |
| | **F2 Perkembangan Sistem Pendidikan** | 1 |
| | H2a Muncul golongan intelek Melayu yang mampu berfikir tentang kemajuan bangsanya. | 1 |
| | H2b Mereka menyedari perlunya sumbangan tenaga dan fikiran mereka untuk menyedarkan bangsa Melayu. | 1 |
| | H2c Mereka telah menggunakan idea baru untuk memajukan diri dan menolak penjajahan British | 1 |
| | **F3 Dasar British** | 1 |
| | H3a British telah menggalakkan sesiapa sahaja datang untuk melabur/ berniaga/ berdagang/ bekerja dan menetap di Tanah Melayu. | 1 |
| | H3b Kemasukan orang asing telah meningkatkan jumlah imigran di Tanah Melayu | 1 |
| | H3c Keadaan ini menimbulkan persaingan kepada penduduk tempatan. | 1 |
| | H3d Mereka menguasai ekonomi Tanah Melayu dalam bidang perlombongan bijih timah, perladangan getah dan perniagaan | 1 |
| | H3e Orang Melayu kekal dengan pertanian padi yang tidak dimajukan oleh British | 1 |
| | H3f British juga membuka bandar baru sebagai pusat pentadbirannya sedangkan orang Melayu tetap tinggal di kampung-kampung dengan serba kekurangan. | 1 |
| | H3g Keadaan ini menjarakkan lagi jurang taraf hidup antara orang tempatan di luar bandar dengan imigran dan penduduk lain di bandar. | 1 |
| | **F4 Pendudukan Jepun** | 1 |
| | H4a Jepun dengan konsep *Kawasan Kesemakmuran Asia* | 1 |
| | H4b menekankan kebebasan negara-negara Asia untuk menentukan kemajuan masing-masing | 1 |
| | H4c meningkatkan persaudaraan dikalangan negara tersebut | 1 |
| | H4d Jepun menggalakkan orang tempatan bekerjasama dengannya dan berjanji akan memerdekakan mereka | 1 |
| | H4e kesengsaraan dan kekejaman pentadbiran Jepun menyebabkan penduduk Tanah Melayu membenci penjajahan sama ada oleh kuasa Barat atau Timur. | 1 |
| | **F5 Penguasaan Parti Komunis Malaya** | 1 |
| | H5a PKM telah menguasai balai-balai polis dan memerintah dengan kejam. | 1 |
| | H5b Mereka membunuh dan menangkap sesiapa sahaja yang dianggap sebagai penyokong Jepun. | 1 |

| | | |
|---|---|---|
| | H5c Gerakan PKM mencetuskan konflik perkauman<br>H5d Ramai orang Melayu terbunuh dan rumah mereka dibakar PKM<br><br>**F6 Kemunculan Mesin Cetak**<br>H6a Memberikan kesan kepada penyebaran ilmu pengetahuan dan mendorong penentangan terhadap British.<br>C6A Buku-buku, akhbar, majalah, kitab agama dan lain-lain idea menentang penjajah dapat disebarkan.<br><br>**F7 Gerakan Pan-Islamisme Sedunia**<br>H7a Gerakan Pan-Islamisme – Gerakan intelektual Islam seluruh dunia untuk membangkitkan pemahaman yg lebih progresif terhadap Islam untuk menentang penjajahan.<br>H7b Gerakan ini didokong oleh pelajar Islam di seluruh dunia.<br>H7c Dimulakan oleh Syeikh Muhammad Abduh, pensyarah di Universiti al-Azhar, Mesir.<br>H7c Dalam tulisannya, beliau telah memberi kupasan bahawa Islam ialah cara hidup yang menekankan kepentingan dunia dan akhirat, di samping mendorong umatnya menuju kejayaan.<br>H7c Gerakan Wahabi di Arab Saudi juga mendesak matlamat yang sama.<br><br>**F8 Kesedaran politik Serantau**<br>H8a Indonesia yg amat rapat dengan Tanah Melayu dari segi geografi dan budaya telah mempengaruhi gerakan nasionalisme di Tanah Melayu.<br>H8b Hasil karya penulis dari Indonesia berkaitan nasionalisme telah menjadi bacaan masyarakat di Tanah Melayu terutama yang berpendidikan vernakular Melayu.<br>H8c Idea kebebasan politik dan penentangan terhadap penjajahan dalam tulisan mereka dapat dihayati oleh masyarakat tempatan.<br><br>[Mana-mana 8 x 1m] | 1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br><br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br><br><br>1<br><br>1<br>1<br><br><br>1<br><br><br>1<br><br><br>[Mak 8 m] |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| (c) | **Aras 4**<br><br>Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas<br>Bukti/contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens yang tepat<br>Jawapan yang sangat mendalam /terperinci<br>Menunjukkan kematangan<br><br>**Contoh:**<br><br>*Setuju*<br>*Pendidikan vernakular diwujudkan oleh British*<br>*sekolah vernakular Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris*<br>*Tidak mampu memupuk perpaduan bangsa*<br>*Golongan elit mendapat pendidikan Ingeris dan berpeluang mendapat jawatan dalam pentadbiran*<br>*Orang Cina memonopoli ekonomi dan tinggal di bandar yang mempunyai kemudahan asas yang lebih lengkap*<br>*Kuala Lumpur, Ipoh dan Seremban*<br>*Orang Melayu terus ketinggalan dan kekal tinggal di kampung yang serba kekurangan*<br>*Bekerja sebagai petani*<br>*Ilmu pengetahuan tidak berkembang*<br>*Kekal di tahap yang sama*<br><br>**Atau**<br><br>*Tidak setuju*<br>*Golongan yang  berpendidikan telah mampu berfikir tentang kemajuan bangsa*<br>*Menggunakan idea-idea baru untuk memajukan bangsa Melayu dan menolak penjajahan British*<br>*Mengetuai dan menggerakan kesedaran  kebangsaan kepada orang Melayu*<br>*Menghasilkan majalah dan novel untuk menimbulkan semangat nasionalisme*<br>*Zainal Abidin bin Ahmad (Zaaba)*<br>*Tulisan yang bernas telah mebangkitkan kesedaran untuk memajukan diri dan bersatu padu*<br>*Mengkritik dasar-dasar penjajah yang menekan dan menindas rakyat*<br>*Putera Gunung Tahan, Anak Mat Lela Gila* | 7-8 |

| | | |
|---|---|---|
| | **Aras 3**<br><br>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas.<br>Bukti/contoh yang sangat sesuai.<br>Membuat inferens.<br>Jawapan mendalam.<br>Komunikasi/pengolahan menarik.<br><br>**Contoh:**<br><br>*Setuju*<br>*Pendidikan vernakular diwujudkan oleh British*<br>*sekolah vernakular Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris*<br>*Tidak mampu memupuk perpaduan bangsa*<br>*Golongan elit mendapat pendidikan Ingeris dan berpeluang mendapat jawatan dalam pentadbiran*<br>*Orang Cina memonopoli ekonomi dan tinggal di bandar yang mempunyai kemudahan asas yang lebih lengkap*<br>*Kuala Lumpur, Ipoh dan Seremban*<br><br>**Atau**<br><br>*Tidak setuju*<br>*Golongan yang berpendidikan telah mampu berfikir tentang kemajuan bangsa*<br>*Menggunakan idea-idea baru untuk memajukan bangsa Melayu dan menolak penjajahan British*<br>*Mengetuai dan menggerakan kesedaran kebangsaan kepada orang Melayu*<br>*Menghasilkan majalah dan novel untuk menimbulkan semangat nasionalisme*<br>*Zainal Abidin bin Ahmad (Zaaba)* | 5-6 |

| | | |
|---|---|---|
| | **Aras 2**<br><br>Pengetahuan danpemahaman yang jelas.<br>Jawapan kurang mendalam.<br>Menyatakan hujah secara ringkas.<br><br>**Contoh:**<br><br>*Setuju*<br>*Pendidikan vernakular diwujudkan oleh British*<br>*sekolah vernakular Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris*<br>*Tidak mampu memupuk perpaduan bangsa*<br>*Golongan elit mendapat pendidikan Ingeris dan berpeluang mendapat jawatan dalam pentadbiran*<br><br>**Atau**<br><br>*Tidak setuju*<br>*Golongan yang berpendidikan telah mampu berfikir tentang kemajuan bangsa*<br>*Menggunakan idea-idea baru untuk memajukan bangsa Melayu dan menolak penjajahan British*<br>*Mengetuai dan menggerakan kesedaran kebangsaan kepada orang Melayu* | 3-4 |
| | **Aras 1**<br><br>Pengetahuan dan pemahaman yang terhad.<br>Jawapan secara umum.<br><br>**Contoh:**<br><br>*Setuju*<br>*Pendidikan vernakular diwujudkan oleh British*<br>*sekolah vernakular Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris*<br>*Tidak mampu memupuk perpaduan bangsa*<br><br>**Atau**<br><br>*Tidak setuju*<br>*Golongan yang berpendidikan telah mampu berfikir tentang kemajuan bangsa*<br>*Menggunakan idea-idea baru untuk memajukan bangsa Melayu dan menolak penjajahan British*<br><br>(Mana-mana jawapan yang munasabah ) | 1-2 |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| 9 (a) | F1 Pembentukan sebuah kerajaan yang kuat<br>F2 Pemberian kuasa autonomi kepada negeri<br>F3 Isu kedudukan Raja- Raja Melayu<br>F4 Hak istimewa orang Melayu<br>F5 Pewujudan satu bangsa Persekutuan Tanah Melayu<br>F6 Kerakyatan *jus soli*<br><br>[Mana-mana 4 x 1m] | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>[Mak.4m] |
| (b) | F1 Pembentukan sebuah Kerajaan Persekutuan<br>F2 Pemisahan antara kuasa persekutuan dengan kuasa negeri<br>F3 Melalui Senarai Persekutuan dan Senarai Bersama<br>F4 Institusi Raja dijadikan Raja berpelembagaan pada peringkat negeri dan negara<br>F5 Tiga jenis kerakyatan di wujudkan<br>F6 secara kuatkuasa undang – undang, permohonan dan naturalisasi<br>F7 Prinsip jus soli diterima<br>F8 Kedudukan istimewa orang Melayu dikekalkan<br>F9 Agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan<br>F10 Tanah Simpanan Melayu dikekalkan<br>F11 Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan<br>F12 Yang di-Pertuan Agong menjadi ketua negara<br>F13 Pentadbiran negara bersifat demokrasi berparlimen<br>F14 Dewan Rakyat dan Dewan Negara terletak di bawah kuasa parlimen<br>F15 Menteri Besar menjadi pelaksana pentakbiran di peringkat negeri<br>F16 Menteri Besar dibantu oleh Dewan Undangan Negeri dan EXCO<br><br>[Mana-mana 8 x 1m] | 1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>[Mak 8 m] |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| (c) | Aras 4<br><br>Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas<br>Bukti/contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens yang tepat<br>Jawapan yang sangat mendalam /terperinci<br>Menunjukkan kematangan<br><br>Contoh:<br><br>*mengekalkan sistem beraja di Persekutuan Tanah Melayu*<br>*peranan Yang di-pertuan Agong*<br>*menjadi ketua negara*<br>*menjadikan Tanah Melayu sebagai negara merdeka.*<br>*berjaya mewujudkan perpaduan masyarakat yang berbilang kaum*<br>*menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu*<br>*tetapi agama-agama lain masih bebas diamalkan*<br>*toleransi dalam amalam agama dan kepercayaan*<br>*mengelakkan perkara-perkara sensitif dibangkitkan* | 7-8 |
| | Aras 3<br><br>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas.<br>Bukti/contoh yang sangat sesuai.<br>Membuat inferens.<br>Jawapan mendalam.<br>Komunikasi/pengolahan menarik.<br><br>**Contoh:**<br><br>*mengekalkan sistem beraja di Persekutuan Tanah Melayu*<br>*peranan Yang di-pertuan Agong*<br>*menjadi ketua negara*<br>*menjadikan Tanah Melayu sebagai negara merdeka.*<br>*berjaya mewujudkan perpaduan masyarakat yang berbilang kaum*<br>*menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi bagi Persekutuan Tanah Melayu* | 5-6 |

<table>
<tr><td rowspan="2"></td><td>Aras 2<br><br>Pengetahuan danpemahaman yang jelas.<br>Jawapan kurang mendalam.<br>Menyatakan hujah secara ringkas.<br><br>Contoh:<br><br>mengekalkan sistem beraja di Persekutuan Tanah Melayu<br>peranan Yang di-pertuan Agong<br>menjadi ketua negara<br>menjadikan Tanah Melayu sebagai negara merdeka.</td><td>3-4</td></tr>
<tr><td>Aras 1<br><br>Pengetahuan dan pemahaman yang terhad.<br>Jawapan secara umum.<br><br>Contoh:<br><br>mengekalkan sistem beraja di Persekutuan Tanah Melayu<br>peranan Yang di-pertuan Agong<br><br>(Mana-mana jawapan yang munasabah )</td><td>1-2</td></tr>
</table>

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| 10 (a) | F1 Sistem pemerintahan yang mengekalkan raja sebagai pemerintah Tertinggi negara dan negeri / tonggak negara / ketua utama negara | 1 |
| | F2 Sistem pemerintahan beraja mengikut peruntukan perlembagaan Malaysia | 1 |
| | F3 Yang di-Pertuan Agong bertindak berdasarkan Perlembagaan Malaysia atas nasihat Perdana Menteri | 1 |
| | F4 Baginda tidak boleh bertindak sendirian kecuali dalam perkara tertentu yang memerlukan baginda untuk membuat keputusan | 1 |
| | F5 Merupakan simbol keutuhan dan perpaduan rakyat di negara ini | 1 |
| | F6 Yang di-Pertuan Agong dipilih daripada kalangan Sembilan orang Raja Melayu secara bergilir-gilir | 1 |
| | F7 Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dibuat mengikut peruntukan dalam Perlembagaan Malaysia | 1 |
| | [Mana-mana 4 x 1m] | [Mak 4 m] |
| (b) | F1 Sebagai ketua negara | 1 |
| | F2 Mengetuai tiga badan iaitu Badan Perundangan(Legislatif) / Badan Pemerintah (Eksekutif) / Badan Kehakiman (Judisiari) | 1<br>1<br>1 |
| | F3 Mempunyai kuasa memanggil dan membubar parlimen | 1 |
| | F4 Ketua tetinggi Angkatan Bersenjata | 1 |
| | F5 Berkuasa mengampun dan menangguhkan sesuatu hukuman terhadap kesalahan yang dibicarakan oleh Mahkamah Tentera | 1 |
| | F6 Bertanggungjawab menjaga dan memelihara kedudukan dan hak istimewa orang Melayu. | 1 |
| | F7 Menitah Majlis Raja-Raja Melayu mengadakan mesyuarat bagi membincangkan keistimewaan, kedudukan, kehormatan dan kemuliaan Raja-Raja Melayu | 1 |
| | F8 Ketua agama Islam bagi negeri baginda sendiri dan P. Pinang, Melaka, Wilayah Persekutuan, Sarawak dan Sabah | 1 |
| | F9 Mempunyai kuasa budi bicara lantik Perdana Menteri | 1 |
| | F10 Berkuasa melantik dan melucutkan jawatan Jemaah menteri dan Timbalan Menteri setelah mendapat nasihat Perdana Menteri | 1 |
| | F11 Boleh mengisytiharkan undang-undang darurat dibawah "Undang-undang X " jika didapati keselamatan negara terancam | 1 |
| | F12 Baginda melantik Pengerusi dan tiga orang ahli Suruhanjaya Pilihan Raya, ahli Perkhidmatan kehakiman,serta pengerusi dan Timbalan Pengerusi Suruhahjaya Perkidmatan Awam | 1 |
| | F13 Bertanggungjawab melantik Peguam Negarabdan Ketua Audit Negara bagi Persekutuan | 1 |
| | F14 Mempunyai kuasa tertinggi untuk mentauliahkan duta-duta negara kita | 1 |
| | [Mana-mana 8 x 1m] | [Mak 8 m] |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| (c) | Aras 4<br><br>Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas<br>Bukti/contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens yang tepat<br>Jawapan yang sangat mendalam /terperinci<br>Menunjukkan kematangan<br><br>Contoh:<br><br>*Yang di-Pertuan Agong merupakan simbol perpaduan rakyat*<br>*sebagai lambang keutuhan negara*<br>*baginda sebagai ketua negara*<br>*memelihara hak istimewa orang Melayu dan bumiputera*<br>*mengekalkan keharmonian*<br>*memelihara kesucian agama Islam*<br>*Mengukuhkan pertahanan negara*<br>*Lambang penyatuan orang Melayu*<br>*Tumpah taat setia rakyat*<br>*Menjamin kestabilan politik negara*<br>*Lambang kemerdekaan negara* | 7-8 |
| | Aras 3<br><br>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas.<br>Bukti/contoh yang sangat sesuai.<br>Membuat inferens.<br>Jawapan mendalam.<br>Komunikasi/pengolahan menarik.<br><br>Contoh:<br><br>*Yang di Pertuan Agong merupakan simbol perpaduan rakyat*<br>*sebagai lambang keutuhan negara*<br>*baginda sebagai ketua negara*<br>*memelihara hak istimewa orang Melayu dan bumiputera*<br>*mengekalkan keharmonian*<br>*memelihara kesucian agama Islam*<br>*Mengukuhkan pertahanan negara* | 5-6 |

| | | |
|---|---|---|
| | Aras 2<br><br>Pengetahuan danpemahaman yang jelas.<br>Jawapan kurang mendalam.<br>Menyatakan hujah secara ringkas.<br><br>Contoh:<br><br>*Yang di-Pertuan Agong merupakan simbol perpaduan rakyat*<br>*sebagai lambang keutuhan negara*<br>*baginda sebagai ketua negara*<br>*memelihara hak istimewa orang Melayu dan bumiputera*<br>*mengekalkan keharmonian* | 3-4 |
| | Aras 1<br><br>Pengetahuan dan pemahaman yang terhad.<br>Jawapan secara umum.<br><br>Contoh:<br><br>*Yang di-Pertuan Agong merupakan simbol perpaduan rakyat*<br>*sebagai lambang keutuhan negara*<br><br>(Mana-mana jawapan yang munasabah ) | 1-2 |

| Soalan | Butiran | Markah |
|---|---|---|
| 11 (a) | F1 Ditubuhkan pada tahun 1971 beribu pejabat di Jeddah, Arab Saudi | 1 |
| | F2 Idea Tunku Abdul Rahman | 1 |
| | F3 Semasa ditubuhkan – 57 buah negara dan tiga negara sebagai pemerhati | 1 |
| | F4 Mengeratkan hubungan sesama negara Islam dalam segala bidang | 1 |
| | F5 Bersuara dalam satu nada bagi kepentingan umat Islam | 1 |
| | F6 Mengekalkan perdamaian dalam segala persengketaan antara negara Islam | 1 |
| | F7 Bersama-sama memastikan tempat-tempat suci Islam dihormati dan tidak dicemari | 1 |
| | [Mana-mana 4 x 1m] | [Mak 4 m] |
| 11 (b) | F1 Tunku Abdul Rahman menjadi Setiausaha Agung OIC pertama | 1 |
| | F2 Menjadi perantara dalam menyelesaikan peperangan Iran-Iraq | 1 |
| | F3 Memberikan sokongan kepada rakyat Palestin yang berjuang mendapatkan semula tanah air daripada Israel | 1<br>1 |
| | F4 Menjadi tuan rumah Persidangan OIC 1974 dan 2003 | 1 |
| | F5 Menganjurkan persidangan menentang pengganas di kalangan negara Islam 2002 | 1 |
| | F6 Tawaran biasiswa kepada para pelajar dari negara OIC untuk belajar di Universiti Islam Antarabangsa(UIAM) | 1 |
| | F7 Mengesyorkan penggunaan dinar emas di kalangan negara Islam untuk urusan perdagangan dan kegiatan ekonomi | 1 |
| | F8 Pinjaman daripada Bank Pembangunan Islam bagi melaksanakan projek-projek pembangunan untuk kepentingan rakyat | 1 |
| | F9 OIC memberikan bantuan kepada Malaysia untuk menubuhkan UIAM | 1 |
| | F10 Malaysia mendapat penghormatan daripada negara-negara anggota kerana amat serius memperjuangkan hak dan kebajikan negara-negara Islam | 1 |
| | F11 Menghantar pasukan perubatan ke Lubdan, Bosnia dan Afghanistan | 1 |
| | F12 Bantuan kewangan kepada negara-negara Islam yang kurang maju seperti Sudan, Nigeria dan Chad | 1 |
| | F13 OIC menubuhkan Bank Pembangunan Islam bagi memberikan perkhidmatan kewangan kepada negara anggota | 1 |
| | [Mana-mana 8 x 1m] | [Mak 8 m] |

| | | |
|---|---|---|
| 11 (c) | Aras 4<br><br>Pengetahuan dan pemahaman yang sangat jelas<br>Bukti/contoh sangat sesuai<br>Membuat inferens yang tepat<br>Jawapan yang sangat mendalam /terperinci<br>Menunjukkan kematangan<br><br>Contoh:<br><br>*Memajukan umat islam dalam bidang ekonomi / politik / sosial*<br>*Meningkatkan taraf pendidikan*<br>*Dengan menubuhkan universiti Islam*<br>*Contohnya Universiti Islam Antarabangsa*<br>*Menawarkan kursus-kursus dalam bidang kejuruteraan/ perubatan / undang-undang/ teknologi maklumat*<br>*Melahirkan lebih ramai intelektual dan cendekiawan Islam*<br>*Contoh Dr Zakir Naik tokoh perbandingan agama tersohor*<br>*Pemahaman masyarakat antarabangsa terhadap Islam lebih positif* | 7-8 |
| | Aras 3<br><br>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas.<br>Bukti/contoh yang sangat sesuai.<br>Membuat inferens.<br>Jawapan mendalam.<br>Komunikasi/pengolahan menarik.<br><br>Contoh:<br><br>*Memajukan umat islam dalam bidang ekonomi / politik / sosial*<br>*Meningkatkan taraf pendidikan*<br>*Dengan menubuhkan universiti Islam*<br>*Contohnya Universiti Islam Antarabangsa*<br>*Menawarkan kursus-kursus dalam bidang kejuruteraan/ perubatan / undang-undang/ teknologi maklumat*<br>*Melahirkan lebih ramai intelektual dan cendekiawan Islam* | 5-6 |

| | | |
|---|---|---|
| | Aras 2<br><br>Pengetahuan danpemahaman yang jelas.<br>Jawapan kurang mendalam.<br>Menyatakan hujah secara ringkas.<br><br>Contoh:<br><br>Contoh:<br><br>*Memajukan umat islam dalam bidang ekonomi / politik / sosial*<br>*Meningkatkan taraf pendidikan*<br>*Dengan menubuhkan universiti Islam*<br>*Contohnya Universiti Islam Antarabangsa*<br>*Menawarkan kursus-kursus dalam bidang kejuruteraan/ perubatan / undang-undang/ teknologi maklumat*<br>*Melahirkan lebih ramai intelektual dan cendekiawan Islam* | 3-4 |
| | Aras 1<br><br>Pengetahuan dan pemahaman yang terhad.<br>Jawapan secara umum.<br><br>Contoh:<br><br>Contoh:<br><br>*Memajukan umat islam dalam bidang ekonomi / politik / sosial*<br>*Meningkatkan taraf pendidikan*<br><br>(Mana-mana jawapan yang munasabah ) | 1-2 |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**